

Fakta
nombor

15,484 ORANG

penghidap autisme berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

2,080 ORANG

penghidap autisme berumur bawah 6 tahun

7,167 ORANG

penghidap autisme berumur antara 7 hingga 12 tahun

Syor wujud pusat pendidikan khas autisme setiap zon

[FOTO KHAIRUNISAH LOKMAN/BH]



Rohani (empat dari kiri) bergambar dengan Idris (empat dari kanan) selepas memotong riben sebagai simbolik perasmian majlis Walk For Autism ke-8 di Kota A Famosa, Banda Hilir, semalam.

Melaka: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bercadang mewujudkan pusat pendidikan khas bagi golongan autisme di bawah program Pusat Anak Permata Negara (PERMATA) di setiap zon, di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata permohonan itu akan dibuat melalui Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM) kepada Jabatan Perdana Menteri Bahagian PERMATA, sebagai intervensi awal dalam memperkukuhkan potensi insan yang lemah pembelajaran itu.

Pusat pendidikan

"Ketika ini, satu-satunya pusat pendidikan awal kanak-kanak autisme (Pusat PERMATA Kurnia) terletak di Jalan Sentul, Kuala Lumpur dan kita sudah memohon kepada PER-

MATA untuk mewujudkan satu pusat pendidikan khas autisme di setiap negeri.

"Jika tidak di setiap negeri, kita cadang membina satu pusat di setiap zon wilayah (utara, tengah, selatan, timur) selain Sabah dan Sarawak kerana saya tahu kos pembinaannya yang tinggi," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan program 'Walk For Autism' ke-8 sempena sambutan ulang tahun Majlis Bandar Melaka Bersejarah (MBMB) ke-14, di Banda Hilir di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron dan isteri, Datin Seri Fadilah Abdullah; Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Datuk Zulkiply Ramli dan Presiden Lembaga Persatuan Kanner Melaka, Ng Kek Kuan.